

# Trust Model Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial

Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah  
Muhammad Abu Naim Ziatol Ihazair  
Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM, muhammadyusofhakimi@graduate.utm.my,  
abunaim1996.ma@gmail.com, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Kanafiah, Muhammad Yusof Hakimi; Ziatol Ihazair, Muhammad Abu Naim ; Jasmi, Kamarul Azmi (2020). Trust Model Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial. Dlm *Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan*, 2(2) 2020, 12 May 2020, Dewan Maya, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM, hal. 55-66. eISBN: 978-967-2401-21-6.

## Abstract

Trust model adalah satu perkara yang dibina bagi pengguna seperti pembeli dan penjual yang berfokuskan dalam perniagaan secara virtual seperti e-dagang dan seumpamanya. Trust model yang dibangunkan berdasarkan etika Islam dan diperbaiki dengan menggunakan analisis rangkaian sosial atau dikenali sebagai SNA (social network analysis). Perkara ini menjadi isu dalam masyarakat kini dimana perkembangan hasil daripada kerangka konvensional yang menjalankan perniagaan secara alam maya (online). Etika perniagaan Islam sangat penting dalam membina trust model dan diperbaiki dengan berdasarkan sistem analisis rangkaian sosial untuk pembangunan dan kebaikan umum dan masyarakat Islam khususnya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis tentang pembinaan trust model berdasarkan etika perniagaan Islam dan analisis rangkaian sosial dengan menyatakan definisi etika perniagaan Islam dan analisis rangkaian sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tentang etika perniagaan Islam dan analisis rangkaian sosial dalam pembinaan trust model daripada sumber sekunder seperti artikel, jurnal, buku dan literasi yang berkaitan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat etika perniagaan Islam dan juga empat perkara dalam analisis rangkaian sosial. Empat etika perniagaan Islam adalah merangkumi dari segi pemasaran produk, penghasilan produk, pengurusan kewangan dan pengurusan sumber manusia. Manakala analisis rangkaian sosial pula akan diterangkan tentang definisi, fungsi dalam perniagaan, bentuk dan kelebihan menggunakan analisis rangkaian sosial. Kata Kunci: trust model, etika, analisis rangkaian sosial, fungsi dan bentuk sistem

## References

Al-Quran

Ahmad, Mushtaq. 2001. *Etika Bisnis dalam Islam*. Pustaka Al-Kautsar.

Al-aaidroos, Mohammed, Jailani, Norleyza, & Mukhtar, Muriati. 2019. "Expert validation on a reference model for e-auctions that conform to Islamic trading principles". *Journal of King Saud University-Computer and Information Sciences*, 31(1), 62-71.

Al-Attas, Syed Muhammad al-Naqib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.

Amanullah, M. 2018. "Islamic ethics for mediation: A maqāsidic analysis". *Islamic Quarterly*, 62(1), 169-192.

Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Beekum, Rafik Issa. 2004. Terj. *Etik Bisnis Islami: Pustaka Pelajar*, Yogyakarta.

Bertens, Kees. 2000. *Pengantar etika bisnis*. Kanisius.

Buang, Amriah. 2005. "Globalisasi Ekonomi dan Impaknya kepada Ruang Budaya Bandar Malaysia". *GEOGRAFIA Online*, 1(1), 46-55.

Cross, Rob, & Parker, Andrew. 2004. *The Hidden Power of Sosial Networks: Understanding How Work Really Gets Done in Organizations*. USA: Harvard Business School Publishing Corporation.

Denny, Matthew. 2014. *Sosial Network Analysis*. Massachusetts, USA: Institute for Social Science, Universe of Massachusetts Amherst.

- Dictionary of Ethics, Theologi, and Society*. (Ed.) 1996 Dictionary of Ethics, Theologi, and Society). New York: : Routledge.
- Djaelani, Moh. Solikodin 2013. "Peran Pendidikan Agama Islam Dalam Keluarga dan Masyarakat". *Jurnal Ilmiah WIDYA, Volume 1*, 100-104.
- Encyclopedia of Americana*. 1993. *Ethics Encyclopedia of Americana* (Vol. 10, pp. 610). New York: Grolier Inco.
- Haddad, Habib Abdullah 1985. *Nasihat agama dan wasiat iman*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hadiyati, Ernani. 2009. "Pengaruh Etika Bisnis terhadap Kewirausahaan pada Usaha Kecil Bengkel Les di Pujon". *Jurnal Manajemen Gajayana*, 6(1), 59-70.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hassan, Abul, Chachi, Abdelkader, & Abdul Latiff, Salma. 2008. "Islamic marketing ethics and its impact on customer satisfaction in the Islamic banking industry". *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 21(1).
- Jailani, Norleyza, Mukhtar, Muriati, Al-aaidroos, Mohamad AbdualGader, et al. 2016. Agent-Based Auction E-Marketplace with Value Added Services and Islamic Shariah Compliance *Encyclopedia of E-Commerce Development, Implementation, and Management*. hlm. 888-904: IGI Global.
- Jalal, Burhanudin. 2017. Agama. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 2-5). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. *Mengasimilasi Budaya Islam dalam Organisasi untuk Mempertingkatkan Modal Insan Para Pekerja*. Kertas Kerja dalam The 4th National Human Resource Management Conference 2008. Tiara Beach Resort, Port Dickson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016a. Pembangunan Akhlak. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 99-100. Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016b. Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. *Bicara Buku: Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. Kertas Kerja dalam Bicara Karya. Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. "Karakter 7B Mukmin Cemerlang". *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mohd Rashid, Nur Amirah. 2008. Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. Dlm. Arieff Salleh (Ed.), *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd, & Mohamed, Ahmad Kilani. 2004. "Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT: Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan".
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Suratman, Azmi Shah. 2007. "Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam-Al-Nawawi".
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012, 21 April 2012. *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Majd, Elham, & Balakrishnan, Vimala. 2017. "A trust model for recommender agent systems". *Soft Computing*, 21(2), 417-433.
- Mansor, Aminuddin. 2017, December 26. Bentuk anak dengan didikan agama. *Utusan Online*, 1.
- Marin, A., & Wellman, B. 2014. Social Network Analysis: An Introduction. Dlm. J. Scott & P. J. Carrington (Ed.). *The SAGE Handbook of Social Network Analysis*. hlm. 11-25. London: SAGE Publications Ltd.
- Mayer, Roger C, Davis, James H, & Schoorman, F David. 1995. "An integrative model of organizational trust". *Academy of management review*, 20(3), 709-734.
- Mohd Rashid, Nor Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2005. *Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya*. Kertas Kerja dalam International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah. Sofitel Palm Resort, Senai Johor. [http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005\\_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf](http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf)

- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2006. *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. 2011. *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak*. Ed. 1. ed. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Zain, Akhmal 2015. *Asas Pengetahuan Agama Islam: Tauhid, Fiqh & Akhlak*. Batu Caves: Al-Hidayah Publisher.
- Muhamad, Hilman, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2013, 17-18 September 2013. *Penerapan Akhlak Islamiah dalam P&P Guru Matematik di Daerah Kulaijaya, Johor: Satu Kajian Rintis*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]. The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2004. *Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak*. Kertas Kerja dalam Seminar Pembangunan Kerjaya Abad 21. Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya. [http://eprints.utm.my/41121/1/MuhammadA2004\\_EtikaIslamTerhadapPerananInstitusiKeluargadalamPendidikanKerjayaAnak.pdf](http://eprints.utm.my/41121/1/MuhammadA2004_EtikaIslamTerhadapPerananInstitusiKeluargadalamPendidikanKerjayaAnak.pdf)
- Nurrisza, Annisa Fitrah. 2016. "Peran Media Sosial di Era Globalisasi Pada Remaja di Surakarta Suatu Kajian Teoritis dan Praktis Terhadap Remaja dalam Perspektif Perubahan Sosial". *Jurnal Analisa Sosiologi*, 5 (1), 28-37.
- Ridzuan, Ahmad, Mior, Muhammad Fateh, Aziz, Syed Abd, *et al.* 2012, 21 April 2012. *Islam Sebagai Satu Agama*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rowan, John, & Samuel Zinaich, JR. 2003. *Ethics for The Profession*. Canada: Wadsworth Thomson Learning.
- Scott, J. . 1992. *Sosial Network Analysis*. Newbury Park CA: : SAGE.
- Sidek, Baba. 2003. *Globalisasi dan cabaran pendidikan. Suzalie Mohamad (pnyt.). Memahami Isu-Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Singh, Meera. 2012. "Marketing mix of 4P's for competitive advantage". *IOSR Journal of Business and Management*, 3(6), 40-45.
- Suhid, Asmawati. 2005. "Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi". *Jurnal Kemanusiaan*, 6(S), 95-104.
- Wan Husin, Wan Norhasniah. 2012. "Work Ethic From Islamic Perspective in Malaysia". *European Journal of school Science*, 29(2012), 54.
- Yaacob, Hashim, & Othman, Abdul Jalil. 2007. "Dunia Pendidikan dalam Era Globalisasi: Peranan dan Cabaran". *Masalah Pendidikan*, 30(1), 143-149.

# TRUST MODEL ETIKA PERNIAGAAN ISLAM DAN ANALISIS RANGKAIAN SOSIAL

Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah  
Muhammad Abu Naim Ziatol Ihazair  
Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia  
muhammadyusofhakimi@graduate.utm.my, abunaim1996.ma@gmail.com,  
qamar@utm.my

## Abstract

*Trust model adalah satu perkara yang dibina bagi pengguna seperti pembeli dan penjual yang berfokuskan dalam perniagaan secara virtual seperti e-dagang dan seumpamanya. Trust model yang dibangunkan berdasarkan etika Islam dan diperbaiki dengan menggunakan analisis rangkaian sosial atau dikenali sebagai SNA (sosial network analysis). Perkara ini menjadi isu dalam masyarakat kini dimana perkembangan hasil daripada kerangka konvensional yang menjalankan perniagaan secara alam maya (online). Etika perniagaan Islam sangat penting dalam membina trust model dan diperbaiki dengan berdasarkan sistem analisis rangkaian sosial untuk pembangunan dan kebaikan umum dan masyarakat Islam khususnya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis tentang pembinaan trust model berdasarkan etika perniagaan Islam dan analisis rangkaian sosial dengan menyatakan definisi etika perniagaan Islam dan analisis rangkaian sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tentang etika perniagaan Islam dan analisis rangkaian sosial dalam pembinaan trust model daripada sumber sekunder seperti artikel, jurnal, buku dan literasi yang berkaitan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat etika perniagaan Islam dan juga empat perkara dalam analisis rangkaian sosial. Empat etika perniagaan Islam adalah merangkumi dari segi pemasaran produk, penghasilan produk, pengurusan kewangan dan pengurusan sumber manusia. Manakala analisis rangkaian sosial pula akan diterangkan tentang definisi, fungsi dalam perniagaan, bentuk dan kelebihan menggunakan analisis rangkaian sosial.*

Kata Kunci: *trust model, etika, analisis rangkaian sosial, fungsi dan bentuk sistem*

## PENGENALAN

Trust model merupakan perkara yang sangat penting terutama dalam perniagaan secara virtual atau atas talian dimana penipuan sangat berleluasa melalui medan ini. Jadi, satu trust model dibina berdasarkan etika perniagaan Islam dan ditambahbaik dengan menggunakan analisis rangkaian sosial. Terdapat banyak kajian yang membincangkan tentang trust model ini secara meluas namun hanya terdapat kajian yang minimum dimana perbincangan trust model berdasarkan sudut pandangan Islam (Al-aaidroos *et al.*, 2019; Jailani *et al.*, 2016).

Pada era pascamoden ini, masyarakat menganggap globalisasi merupakan satu proses gabungan dunia dibawah satu atap yang sama tanpa ada sempadan ataupun dikenali dengan "dunia tanpa sempadan" (Jasmi & Mohd Rashid, 2008; Buang, 2005; Mohd Rashid, Nor Amirah & Jasmi, 2005; Mohd Rashid, Nur Amirah & Jasmi, 2006; Nurrizka, 2016; Sidek, 2003; Suhid, 2005; Yaacob & Othman, 2007). Aktiviti seperti perniagaan ataupun kegiatan ekonomi dapat dibuat dengan senang antara negara melalui transaksi yang akan mewujudkan kerjasama antara negara. Agama menerima aktiviti perniagaan ini diterangkan melalui galakan Islam terhadap umatnya dalam mencari kesenangan hidup (Hamzah & Jasmi, 2020; Muhammad

& Jasmi, 2004) dimana penerapan etika perniagaan dalam Islam melalui atas talian. Sepertimana ayat al-Quran: (Basmeih, 1999)

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ  
كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksud: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)*

(Surah *al-Jumu'ah*, 62: 10)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa hendaklah kita bertebaran di bumi Allah SWT dalam mencari rezeki dan keperluan dengan cara yang halal dan baik setelah selesai beribadah. Oleh itu, berniaga merupakan amalan yang terpuji dan merupakan sumber rezeki terbesar dimana Islam menetapkan beberapa garis panduan supaya setiap perkara yang dilakukan mendapat keredaan Allah SWT. Perkara ini disokong oleh hadis nabi yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id bahawa Rasulullah SAW bersabda (Al-Tirmidhi, 1998: 1209):

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّينَ، وَالصَّدِيقِينَ، وَالشُّهَدَاءِ.

Maksud: *Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, orang yang jujur dan orang uang syahid.*

(*Al-Tarmidhi*)

Penjelasan hadis ini adalah menyuruh kepada peniaga supaya berlaku jujur dalam urusan perniagaan. Barang yang dijual harus berkualiti dan dalam kondisi yang elok dan sempurna serta peniaga wajib menghindarkan diri daripada menipu demi memperoleh keuntungan semata-mata.

### **Trust Model**

Trust model didefinisikan sebagai model kepercayaan yang merupakan entiti berbagai dimensi dimana ditekankan kepada pelbagai sifat seperti integriti, keselamatan, kebolehpercayaan dan kejujuran (Majd & Balakrishnan, 2017). Kepercayaan pengguna merupakan perkara yang sangat penting terutama dalam konteks perniagaan secara dalam talian. Kepercayaan diukur dengan banyak cara antaranya adalah ketepatan maklumat yang berkaitan dengan produk, kualiti, perkhidmatan yang disediakan dan sikap pengguna. Selain itu, trust model dikemukakan sebagai ciri yang merangkumi kemampuan, kebajikan dan integriti sebagai asas utama dimana ciri kemampuan adalah pergantungan pada kemahiran, kecekapan dan kepakaran pemegang amanah secara khusus. Ciri kebajikan pula menunjukkan bahawa pemegang amanah yang meletakkan kepercayaan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan integriti pula melibatkan pengakuan oleh pemegang amanah yang boleh diterima oleh kedua belah pihak (Mayer *et al.*, 1995). Al-aaidroos *et al.* (2019) pula mengembangkan satu trust model berdasarkan etika bisnes Islam dengan mengkaji kedua dua sifat integriti dan kebajikan.

## **Etika perniagaan Islam**

Etika merupakan bidang ilmu yang bercirikan kebiasaan kerana ia berperanan membuat keputusan apa yang patut dilakukan ataupun tidak boleh dilakukan kepada individu (Beekun, 2004).

Etika merupakan makna yang seerti dengan akhlak. Dalam bahasa etika memberi makna sebagai perangai atau kebiasaan (*Encyclopedia of Americana*, 1993; *Dictionary of Ethics*, 1996; Rowan & Samuel Zinaich, 2003; Jasmi *et al.*, 2004; Mohd. Hairudin & Kamarul Azmi, 2011; Wan Husin, 2012; Muhamad & Jasmi, 2013; Jasmi, 2016a, 2017; Amanullah, 2018). Maksud lain etika dapat dirumuskan dalam tiga pengertian iaitu pertama, digunakan dalam nilai moral yang teras kepada individu dalam menyusun tingkah lakunya. Kedua, digunakan dalam mengertikan kod etik dan yang ketiga, digunakan dalam ilmu tentang baik dan buruk (Bertens, 2000). Etika perniagaan adalah prinsip moral ataupun dikenali dengan kaedah etika atau aturan tingkah laku yang digunakan dalam melakukan sesuatu perniagaan. Etika perniagaan merupakan prinsip utama dalam sesuatu organisasi yang menjadi rujukan dalam melakukan keputusan dan tingkah laku (Hadiyati, 2009).

Disini dapat disimpulkan bahawa Islam bukanlah agama yang membiarkan sahaja individu dalam melakukan pekerjaan bagi mencapai keinginannya dengan menghalalkan semua cara walaupun terdapat unsur penipuan, riba, sumpah yang palsu dan lain-lain. Islam meletakkan batasan ataupun garis panduan untuk dijadikan pedoman bagi masyarakat untuk mengetahui mana yang halal dan haram dan inilah yang dikenali sebagai etika.

## **Analisis Rangkaian Sosial**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengujian dan penerapan analisis rangkaian sosial (SNA) adalah untuk mendapatkan pelbagai informasi terhadap sesuatu perkara. Sebagai contoh adalah kepada organisasi perniagaan yang ingin mencari pemimpin yang bagus dan banyak pengaruh dalam kalangan ahli perniagaan, atau ingin mengukur tahap komunikasi dan hubungan pemimpin dengan orang bawahannya. Selain itu, SNA dapat membantu dalam permulaan perniagaan atau memasarkan sesuatu produk. Faktor, trend dan matlumat tentang perniagaan serta produk yang dihasilkan dapat dinilai oleh SNA.

## **ETIKA PERNIAGAAN ISLAM**

Etika perniagaan Islam boleh diertikan kepada akhlak yang berada dalam konteks perniagaan. Umat Islam terutamanya haruslah didedahkan dengan prinsip akhlak dalam perniagaan. Setiap usahawan Islam haruslah melaksanakan etika kerana tuntutan Islam dan bukan mengamalkan etika semata-mata. Hal ini yang membezakan umat Islam dengan yang lain iaitu niat dimana ia menentukan hala tuju sesuatu perkara. Niat dan kaedah pelaksanaan yang betul akan menjadikan setiap perbuatan adalah ibadah kepada Allah SWT. Prinsip asas yang utama dalam etika perniagaan Islam adalah taqwa dan ibadah kepada Allah. Secara ringkasnya, terdapat empat perkara utama dalam etika perniagaan Islam dan akan diperincikan setiap etika perniagaan Islam dalam empat perkara tersebut, iaitu pemasaran produk, penghasilan produk, pengurusan kewangan, dan pengurusan sumber manusia.

### **Pemasaran Produk**

Pemasaran produk bertujuan bagi mengenal pasti apa yang diperlukan oleh pengguna dan dapat menentukan sasaran produk serta perkhidmatan terutama kepada kualiti dan juga kepuasan pengguna (Singh, 2012). Pemasaran menggunakan strategi pemasaran campuran dimana terdapat empat item iaitu produk, harga, tempat dan promosi dimana gabungan ini dapat mencapai apa yang ingin disasarkan oleh pemasaran. Hal ini dapat dilihat etika perniagaan Islam dalam pemasaran adalah dengan menyatukan prinsip nilai dan ekuiti serta keadilan bagi melahirkan kebajikan untuk masyarakat. Terdapat perbezaan antara etika pemasaran konvensional

dengan Islam berdasarkan prinsip adil dan saksama dalam beberapa keadaan (Ahmad, 2001). Perbezaan ini menyebabkan peniaga Islam disarankan agar mengamalkan konsep yang terdiri daripada lima item iaitu produk, harga, promosi, tempat dan kemanusiaan (Hassan et al., 2008).

Selain itu, pensijilan halal amatlah dititikberatkan kerana ia memberi banyak manfaat kepada peniaga dan secara langsung tidak terlibat dengan perkara yang melibatkan unsur haram seperti riba, monopoli, rasuah, manipulasi dan sebagainya. Jadi, untuk mengiklankan sesuatu produk haruslah ditekankan kepada ciri-ciri yang benar dan penetapan harga yang berpatutan serta tiada unsur penipuan dan jelas. Etika yang baik juga digunakan untuk menaikkan kadar jualan syarikat dimana menjaga hubungan yang baik dengan pelanggan.

### **Penghasilan Produk**

Penghasilan produk dibincangkan kepada tiga perkara yang utama iaitu kepentingan dari segi pensijilan halal, keluaran produk mengikut etika serta cabaran untuk mengeluarkan produk secara beretika. Dalam penghasilan produk yang halal, perkara utama yang ditekankan adalah dengan memastikan bahan mentah yang digunakan adalah halal serta melakukan prosedur atau etika kerja yang halal dimana tiada unsur penipuan, riba dan menjaga kebersihan. Bagi pihak yang memenuhi syarat dan peraturan oleh pihak yang berautoriti mereka berusaha mendapatkan pensijilan halal sebagai pelengkap dan pentingnya mendapat sijil halal adalah untuk meningkatkan taraf syarikat serta dapat menaikkan tahap keyakinan pembeli. Hal ini secara tidak langsung akan mendapatkan jadual pemantauan yang tetap bagi pematuhan syariah.

Seterusnya penghasilan produk secara beretika termasuk amanah serta tanggungjawab dalam penjagaan dan mengekalkan kebersihan premis, membuat penyelidikan kepada produk, bahan mentah yang digunakan mestilah suci dan bersih. Bagi memastikan pekerjaan dilakukan dengan penuh etika haruslah mempunyai rasa yakin bahawa Allah SWT memerhatikan pada setiap masa segala perbuatan kita. Disamping itu, faktor seperti halal dan suci, kelebihan daripada produk yang dibuat dan kadar daya saing produk merupakan salah satu usaha yang dilakukan bagi memastikan produk adalah sah mengikut perspektif syariah dan landasan Islam.

### **Pengurusan Kewangan**

Pengurusan kewangan berlandaskan Islam sangat penting dalam perniagaan bagi mengelakkan masyarakat terdedah kepada perkara yang berunsurkan riba, gharar dan manipulasi dimana ianya jelas haram dalam Islam dan setiap muslim mempunyai batasan dalam segala aspek kehidupan (Al-Attas, 1977; Haddad, 1985; Jasmi, 2002; Jasmi & Suratman, 2007; Kuang *et al.*, 2012; Ridzuan *et al.*, 2012; Djaelani, 2013; Mohd. Zain, 2015; Jalal, 2017; Jasmi, 2018, 2020, 2016b; Mansor, 2017). Ringkasnya, terdapat tiga perkara yang menjadi keutamaan dalam pengurusan kewangan iaitu mestilah bebas dari unsur riba, gharar dan judi sepertimana dijelaskan dalam al-Quran dan hadis. Para peniaga haruslah memastikan bahawa segala sumber perniagaan dari segi perbelanjaan dan pendapatan berlandaskan dengan ketetapan Islam.

Selain itu, terdapat beberapa isu yang penting dalam pengurusan kewangan ini iaitu modal perniagaan dimana para peniaga menggunakan simpanan mereka sendiri, ahli keluarga dan juga sahabat karib bagi mengelakkan terlibat dengan sumber haram. Mereka lebih memilih institusi kewangan berasaskan Islam jika perlu melalui pertolongan institusi kewangan dan memohon bantuan dari pihak yang tidak mengambil faedah. Garis panduan asas dalam Islam dikemukakan dalam dua cara iaitu perbelanjaan hanya terhad kepada perkara dan tujuan yang halal dan perbelanjaan dibuat mengikut keutamaan. Islam menjelaskan bahawa perbelanjaan itu terbahagi kepada dua iaitu halal dan haram dimana halal itu merangkumi yang wajib dan sunat. Masyarakat haruslah prihatin terhadap larangan perbelanjaan agar dapat menjadikan diri lebih berhati-hati dalam urusan perbelanjaan dimana cuba hindarkan diri daripada perbelanjaan yang tidak perlu dan elakkan pembaziran dan boros. Hal ini kerana dalam al-Quran jelas menyatakan tentang perkara ini iaitu:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Maksud: *Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*

(Surah *al-Furqan*, 25: 67)

Jadi, disini dapat difahami bahawa Islam melarang perbuatan boros dan membazir dan menyuruh untuk umat Islam bersifat hemah. Masyarakat Islam khususnya haruslah mengambil sifat pertengahan dimana bersifat hemah dalam mengeluarkan perbelanjaan iaitu tidak terlalu kikir dan tidak pula terlalu membazir.

### **Pengurusan Sumber Manusia**

Aset yang sangat bernilai dalam sesebuah syarikat adalah pekerja dimana mereka memainkan peranan yang sangat besar yang membawa kepada kejayaan sebuah syarikat. Jadi, pekerja dan majikan haruslah mempunyai hubungan yang erat sepertimana yang dijelaskan dalam Islam (Jasmi, 2008). Oleh itu, Islam menyuruh kita membina hubungan yang baik antara dua pihak berteraskan ajaran Islam dimana pekerja sebagai amanah kepada syarikat dan bukannya semata-mata dianggap sebagai pekerja. Perlu difahami bahawa semua rezeki adalah dari Allah SWT merupakan nikmat yang sangat besar dan harus dikongsi kepada semua secara adil.

Hal ini akan menyebabkan para peniaga Islam tidak akan melakukan kezaliman dan menganiayai pekerja dan akan menunaikan tanggungjawab serta hak kepada para pekerja seperti hak dalam jawatan, gaji dan sebagainya. Jika dilihat dari segi perjawatan, ia dilantik mengikut kelayakan, kemampuan dan semangat untuk bekerja. Perlulah mengambil kira dari semua sudut serta dari segi penetapan gaji pula haruslah mengambil kira dari segi garis kemiskinan, kos hidup dan kewangan syarikat itu sendiri. Maka, pengurusan sumber manusia merupakan elemen yang penting dalam etika perniagaan Islam kerana saling menjaga hubungan sesama manusia sesuai dengan perintah Allah SWT dalam al-Quran:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksud: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

(Surah *al-Hujuraat*, 49: 10)

Ayat ini menjelaskan kepada kita semua agar menjaga hubungan sesama manusia khususnya dalam satu syarikat atau institusi kerana Allah SWT berfirman iaitu orang yang beriman adalah bersaudara dan disuruh kepada kita semua agar melakukan perdamaian.

### **ANALISIS RANGKAIAN SOSIAL**

Analisis rangkaian sosial merupakan satu kaedah untuk membantu menilai dan menguji keberkesanan sesuatu produk atau perkara dalam satu rangkaian. SNA juga membantu dalam proses penambahbaikan dalam sesuatu permasalahan yang dihadapi. Pengaruh, faktor dan sebab boleh diperolehi dengan menggunakan kaedah SNA dalam menyelesaikan satu masalah.



## **Defenisi**

